

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 ( 64 )

13 Januari 2022  
10 Jamadilakhir 1443

## PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 4/2022

### **PENSTRUKTURAN SEMULA FUNGSI PUSAT KEPIMPINAN AKADEMIK (UTMLEAD) KE JABATAN PENDAFTAR**

Dimaklumkan bahawa Universiti telah meluluskan penstrukturan semula fungsi Pusat Kepimpinan Akademik (UTMLead) ke Jabatan Pendaftar bagi memastikan kelestarian pengurusan pembangunan dan pelan penggantian bakat dilihat secara menyeluruh melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 22 Tahun 2021 bertarikh 23 November 2021.

2. Maka dengan keputusan tersebut, semua fungsi Unit Kepimpinan Akademik dan Pembangunan Profesional (ALPD), yang sebelum ini dijalankan oleh UTMLead, Jabatan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) secara rasmi berpindah ke Jabatan Pendaftar berkuat kuasa 1 Januari 2022.

3. Selaras dengan itu, kesemua fungsi berkaitan latihan dan pembangunan bakat, serta pembangunan kepimpinan bagi staf akademik dan staf pengurusan dan profesional akan digabungkan dan diuruskan oleh **Pusat Pembangunan Bakat dan Kepimpinan Universiti (*Center for Talent and Leadership Development*), Jabatan Pendaftar**. Fungsi lain pusat ini adalah pengurusan penilaian dan perakuan bakat bagi tujuan laluan kerjaya, kepimpinan serta keurusetiaan Mesyuarat/Jawatankuasa/Panel yang berkaitan.

4. Bagi fungsi-fungsi lain yang dijalankan oleh ALPD seperti urusan berkaitan pelantikan staf (termasuk lantikan felo SLAM) dan Subject Matter Expert (SME) diletakkan di bawah Seksyen Perjawatan dan Kenaikan Pangkat dan urusan berkaitan penilaian prestasi (LPPT) diletakkan di bawah Seksyen Perkhidmatan dan Saraan, Bahagian Sumber Manusia.

5. Struktur organisasi dan carta fungsi terkini Pusat Pembangunan Bakat dan Kepimpinan Universiti adalah seperti di Lampiran. Pusat Pembangunan Bakat dan Kepimpinan UTM akan beroperasi di Bangunan UTM Talent Transformation Center, UTM Johor. Berikut adalah senarai maklumat pegawai untuk dihubungi:

#### **BAHAGIAN SUMBER MANUSIA**

Nama Pegawai : En Azri bin Hohad, Timbalan Pendaftar Kanan

No Telefon/E-mel : 013-652 6767/ azri@utm.my

#### **Seksyen Perkhidmatan & Saraan (SPKS)**

Nama Pegawai : En Ganesan a/l Andimuthu, Timbalan Pendaftar

No Telefon/E-mel : 012-767 3016/ ganesan@utm.my

Nama Pegawai : Puan Hariyani binti Khalid, Penolong Pendaftar Kanan

No Telefon/E-mel : 019-270 8870/ hariyani@utm.my

#### **Seksyen Perjawatan & Kenaikan Pangkat (SPKP)**

Nama Pegawai : Cik Maimunah binti Salleh, Timbalan Pendaftar

No Telefon/E-mel : 013-721 6120/ maimunah@utm.my

Nama Pegawai : Puan Saidatul Akmar binti Mohd Sazali, Penolong Pendaftar Kanan

No Telefon/E-mel : 012-609 6892/ saidatulakmar@utm.my

#### **PUSAT PEMBANGUNAN BAKAT DAN KEPIMPINAN UNIVERSITI**

##### **Seksyen Latihan**

Nama Pegawai : Puan Noerwati binti Dolhaji, Timbalan Pendaftar

No Telefon/E-mel : 013-652 6767/ noerwati@utm.my

Nama Pegawai : En Mohd. Nor Faizal bin Jamaluddin, Penolong Pendaftar Kanan

No Telefon/E-mel : 017-276 2335/ mnfaizal@utm.my

##### **Seksyen Kepimpinan**

Nama Pegawai : En Mohamad Hairudin bin Shahari, Timbalan Pendaftar

No Telefon/Emel : 013-777 2427/ hairudinshahari@utm.my

6. Sehubungan dengan itu, semua staf adalah diminta mengambil maklum berkaitan penstrukturan fungsi ini. Permohonan dan pertanyaan berkaitan hendaklah disalurkan kepada Seksyen/Pegawai yang betul bagi memastikan perkhidmatan dapat diteruskan tanpa sebarang masalah.

7. Pekeliling Pentadbiran ini adalah berkuat kuasa mulai 2 Januari 2022.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”**

Saya yang menjalankan amanah,




**(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)**

Pendaftar

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
  - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
  - Pengarah Kampus UTM Pagoh
  - Pegawai-pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah

NAI/ND

# STRUKTUR ORGANISASI



**PUSAT PEMBANGUNAN BAKAT  
DAN KEPIMPINAN UNIVERSITI**

**CENTER FOR TALENT AND  
LEADERSHIP DEVELOPMENT (CTLD)**

